

PROGRAM VENDOR SAWARI

PROGRAM VENDOR SAWARI (PVS) merupakan suatu inisiatif JPU untuk membantu memasarkan dan mempromosi produk usahawan FELDA ke pasaran tempatan. Jabatan Pembangunan Usahawan memperkenalkan Program Vendor SAWARI kepada usahawan FELDA yang berpotensi dan memenuhi syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- I. Warga Peneroka FELDA.
- II. Syarikat perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sahaja.
- III. Produk makanan dan minuman/ kraf hasil keluaran usahawan sendiri.
- IV. Perniagaan dijalankan di dalam rancangan FELDA.
- V. Produk mempunyai pembungkusan dan label yang sesuai, menarik dan mengikut *standard* permintaan pasaran. Label pembungkusan mempunyai maklumat lengkap seperti:
 - a. Nama syarikat dan alamat pengilang
 - b. Nama produk
 - c. Berat/kuantiti
 - d. Tarikh luput dan tarikh dikeluarkan
 - e. Bahan-bahan dan pelabelan nutrisi
 - f. Cara penggunaan dan cara penyimpanan
 - g. Barkod
- VI. Produk mempunyai pensijilan yang sesuai seperti Halal, Mesti dan HACCP/GMP/KKM.

VII. Mampu memenuhi kapasiti pengeluaran yang diminta dan mempunyai kekuatan logistik yang sesuai.



Usahawan boleh menghantar produk yang memenuhi syarat / kriteria di atas berserta item / dokumen tambahan seperti berikut:-

- Sample Produk
- *Company Profile* yang lengkap termasuk sijil SSM
- Pelan pemasaran dan promosi
- Senarai produk yang dicadangkan beserta sebut harga lengkap dengan harga jual dan cadangan harga jualan
- Salinan sijil akreditasi dan pengiktirafan yang relevan
- Katalog produk / brosur / pamflet produk
- Salinan (softcopy) iklan produk

Sampel produk dan dokumen yang lengkap boleh dihantar ke **Jabatan Pembangunan Usahawan, Tingkat 30, Menara FELDA, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur. Isnin - Jumaat (tidak termasuk cuti umum) dari jam 0800 pagi sehingga jam 0500 petang.**


Produk (*sample*) yang dimajukan akan dinilai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan & Ujirasa Produk oleh ahli-ahli jawatankuasa dan keputusan mesyuarat akan dimaklumkan kepada usahawan tersebut melalui surat-menyurat. Produk Usahawan yang berjaya dipilih akan dihubungi oleh Jabatan dan perlu mendaftar e-IKOF di laman web rasmi FELDA.

KELEBIHAN PROGRAM VENDOR SAWARI (PVS)


Berikut adalah kelebihan dan manfaat memasarkan produk usahawan melalui PVS:-

- ✓ Meningkatkan jualan produk usahawan
- ✓ Produk dikenali di dalam pasaran yang lebih terbuka dan luas
- ✓ Produk usahawan berpeluang untuk menembusi rangkaian pasaran sedia ada seperti di Outlet SAWARI, hypermarket dan supermarket tempatan.
- ✓ Berpeluang menyertai aktiviti *business matching*, pameran dan promosi
- ✓ Perluasan pasaran

RANGKAIAN PASARAN SEDIA



Berikut adalah langkah-langkah untuk memasarkan produk usahawan FELDA melalui Program Vendor SAWARI (PVS):-



Produk dipasarkan di Outlet SAWARI FELDA



Pembekal baharu ditawarkan dan digalakkan mengadakan persampelan makanan seiring dengan produk berjaya disenaraikan dan dijual di outlet SAWARI



Produk terpilih akan berpeluang dinaiktaraf menggunakan jenama FELDA Best dan berpeluang juga menyertai *business matching* untuk pasaran hypermarket / supermarket tempatan

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai **PRORGAM VENDOR SAWARI** boleh menghubungi Pegawai berikut:-

Raba'i Amir Ab Rahim (Pemasaran)

No Tel : 03-2191 2415 / 2116

Emel: amir.ab@felda.net.my

Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA

Mohd Fadzirul Hezly Md Akir

No Tel : 03-2191 2246 / 2239

Emel: fadzirul.h@felda.net.my

Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA

Khairul Azhar Mortadza

No Tel : 03-2191 2546 / 2107

Emel : khairul.azhar@felda.net.my

Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA